



24 JUL, 2023

Kastam Kelantan kutip RM99j setakat bulan ini

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam Kelantan kutip RM99j setakat bulan ini

Jeli: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam) Cawangan Kelantan merekodkan kutipan hasil RM99 juta sejak Januari hingga 22 Julai, tahun ini.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Maslan, berkata kutipan itu menghampiri sasaran tahun ini, iaitu RM207 juta.

“Kastam di Kelantan berjaya mematahkan 495 kes penyeludupan dengan nilai rampasan RM746,280 dan cukai RM136,067 bagi tempoh setengah tahun 2023.

“Penyeludupan rokok antara rampasan terbesar Kastam dengan nilai RM2,038,046 dan cukai terlibat sebanyak RM12,266,544 membabitkan 227 kes,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melakukan lawatan ke Pusat Operasi Kastam di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan Bukit Bunga (ICQS) Bukit Bunga, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, bagi kes kedua tertinggi membabitkan rampasan beras sebanyak 118 kes dengan nilai RM87,136 dan cukainya sebanyak RM33,717.

“Komoditi lain yang dirampas seperti mercun, kenderaan, ayam beku, minyak petrol, minuman keras, minyak masak dan dadah.

“JKDM di Kelantan berjaya melakukan tender kenderaan lut cut hak bagi 2023 sebanyak tiga kali dengan jumlah hasil yang berjaya diperoleh RM1,575,147 dengan jumlah kenderaan 158 buah,” katanya.

Beliau berkata, orang ramai digesa membantu Kastam memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun dan dadah.

“Aktiviti penyeludupan bukan sahaja merugikan negara dari segi kehilangan hasil malah turut mendatangkan ancaman keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat,” katanya BERNAMA

 Kastam di Kelantan berjaya mematahkan 495 kes penyeludupan dengan nilai rampasan RM746,280 dan cukai RM136,067 bagi tempoh setengah tahun 2023 

Ahmad Maslan,
Timbalan Menteri
Kewangan





24 JUL, 2023

Kastam Kelantan kutip RM99j setakat bulan ini

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Jeli: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam) Cawangan Kelantan merekodkan kutipan hasil RM99 juta sejak Januari hingga 22 Julai, tahun ini. Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Maslan, berkata kutipan itu menghampiri sasaran tahun ini, iaitu RM207 juta. “Kastam di Kelantan berjaya mematahkan 495 kes penyeludupan dengan nilai rampasan RM746,280 dan cukai RM136,067 bagi tempoh setengah tahun 2023. “Penyeludupan rokok antara rampasan terbesar Kastam dengan nilai RM2,038,046 dan cukai terlibat sebanyak RM12,266,544 membabitkan 227 kes,” katanya.